

**TAHAP AMALAN GURU BAGI PELAKSANAAN PERKEMBANGAN  
LANGKAH PENGAJARAN KEMAHIRAN BACAAN AL-QURAN  
BERDASARKAN PERSEPSI MURID.**

Rozita Md.Noh, PhD.  
rozitamdnoh@gmail.com  
JPIPK, IPG Kampus Pendidikan Islam.  
Zaradi Sudin  
zaradi09@gmail.com  
JAPIM, IPG Kampus Pendidikan Ilmu Khas.

**Abstrak**

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu proses penyampaian dan penerimaan ilmu dua pihak utama iaitu guru dan murid. Justeru, empat komponen utama dalam proses tersebut iaitu permulaan pengajaran, perkembangan langkah, penutup dan bahan bantu mengajar merupakan komponen yang sangat penting bagi menentukan sejauh mana keberkesanan pengajaran seseorang guru itu. Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap amalan guru bagi pelaksanaan komponen perkembangan langkah pengajaran kemahiran bacaan Al-Quran. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Dapatan kajian yang telah dijalankan ini menunjukkan bahawa tujuh daripada 15 item dalam komponen yang dikaji menunjukkan tahap tinggi manakala lapan item menunjukkan tahap yang sederhana berdasarkan persepsi murid. Guru perlu meningkatkan kualiti perkembangan langkah bagi memastikan keberkesanan pengajaran khususnya dalam kemahiran bacaan al-Quran.

Kata kunci: amalan guru, permulaan pengajaran, keberkesanan pengajaran, bacaan al-Quran, persepsi murid.